

٥- وَعَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ

وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ - متفق عليه.

5- Anas r.a.⁸⁰ meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tidak beriman seseorang daripada kamu⁸¹ selagi aku tidak lebih dicintainya daripada ayah dan anaknya⁸² dan manusia sekaliannya.”⁸³ (Bukhari-Muslim).⁸⁴

dalam al-Qur'an selepas diperintahNya manusia supaya mereka mensyukuriNya. Lihatlah firman Allah ini:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَتْأَ عَلَىٰ وَهْنٍ وَفَصَّلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿٣١﴾

Bermaksud: dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga ke akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukur kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (kamu untuk menerima balasan). (Luqman:14). Berjihad untuk menegakkan agama Allah walaupun merupakan salah satu kewajipan umat Islam dan ia adalah satu amalan yang sangat tinggi kedudukannya di sisi agama, tetapi ia tidak wajib setiap masa. Kerana itulah kedudukannya terletak selepas bersembahyang pada waktunya dan berbuat baik kepada dua ibu bapa. Hakikat ini terbukti juga menerusi satu hadits yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash, kata beliau: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنَهُ فِي الْجِهَادِ فَقَالَ أَحْيٍ وَالذَّكَ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَبِيَهُمَا فَجَاهِدَ Bermaksud: Pernah Nabi s.a.w. didatangi seorang lelaki. Dia meminta izin kepada Baginda untuk keluar berjihad. Nabi s.a.w. bertanya (dia): “Adakah kedua ibu bapamu masih hidup?” Jawab lelaki itu: “Ya.” Maka bersabdalah Baginda: “Untuk mereka berdualah engkau berjihad (berkhidmat terlebih dahulu). (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Baihaqi, Thabaraani dan lain-lain). (8) Menurut Imam Thahaawi, amalan yang paling afdhal, paling baik dan paling disukai Allah bukan satu sahaja. Di bawahnya boleh termasuk sekian banyak afraad. Perkataan-perkataan ini bagaikan kulliyaaat yang terdapat di bawahnya beberapa afraad. Kerana itu tidak salah kalau Baginda s.a.w. memberikan jawapan-jawapan yang berbeda kepada soalan yang sama atau lebih kurang sama. (9) Mungkin juga shighah tafdhil yang digunakan di sini tidak dipakai dengan ma'na asalnya. Ia hanya menunjukkan kepada kelebihan sahaja tanpa membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. (10) Ada juga “ulama” berpendapat bahawa perkataan من telah dibuang sebelum perkataan أحب أفضل atau خير dan sebagainya. Walaupun dibuang ia dikira seperti ada juga. Maka jawapan Rasulullah s.a.w. di dalam hadits Abi Umaamah ini الْعَمَلُ أَفْضَلُ قَالَ عَلَيْكَ بِالصَّوْمِ perlu ditaqdirkan misalnya dengan الْأَعْمَالُ أو الْأَعْمَالُ أَنْ تُلَازِمَ الصَّوْمَ (antara amalan yang paling afdhal ialah engkau selalu berpuasa).

⁸⁰ Nama dan salasilah keturunan beliau secara lengkap adalah seperti berikut: Anas bin Malik bin an-Nadhr bin Dhamdham bin Zaid bin Haram bin Jundab bin 'Aamir bin Ghunm al-Anshaari al-Khazraji an-Najjaari r.a. Anas bin Malik terkenal sebagai khadam Rasulullah s.a.w. Ibu beliau, Ummu Sulaim menyerahkan beliau kepada Rasulullah s.a.w. untuk menjadi khadam kepada Baginda s.a.w. ketika beliau berumur sepuluh tahun. Anas juga telah berkhidmat

kepada Rasulullah s.a.w. selama sepuluh tahun. Inilah yang tersebut dalam kebanyakan riwayat. Tetapi bagi penulis, riwayat ini tidak akan dapat bertahan di hadapan kenyataan bahawa Anas termasuk dalam salah seorang sahabat yang telah ikut serta dalam peperangan Badar dan Uhud berdasarkan riwayat Imam Bukhari di dalam Sahihnya. Perang Badar telah berlaku pada tahun kedua hijrah. Perang Uhud pula berlaku pada tahun ketiga hijrah. Pada tahun kedua hijrah, umur Anas kiranya baru sebelas tahun, mengambil kira riwayat kebanyakan itu. Pada tahun ketiga pula beliau baru berumur dua belas tahun. Bagaimana pula budak yang baru berumur sebelas dan dua belas tahun dibenarkan oleh Rasulullah menyertai perang? Sedangkan Ibnu 'Umar yang telah berumur empat belas tahun pun tidak dibenar oleh Rasulullah s.a.w. menyertai perang Uhud? Maka fakta sebenarnya bagi penulis ialah Ummu Sulaim menyerahkan Anas kepada Rasulullah s.a.w. untuk berkhidmat kepada Baginda s.a.w. paling tidak pun umur beliau pada ketika itu empat belas tahun. Anas terbilang sebagai salah seorang sahabat yang banyak meriwayatkan hadits. Sebanyak satu ribu dua ratus lapan puluh enam (1,286) hadits telah diriwayatkan daripada beliau. Satu ratus enam puluh lapan (168) daripadanya telah diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Imam Bukhari sahaja tanpa Muslim, meriwayatkan hadits beliau sebanyak lapan puluh tiga (83) hadits. Imam Muslim sahaja pula tanpa Bukhari telah meriwayatkan daripadanya sebanyak tujuh puluh satu (71) hadits. Ummu Sulaim r.a. telah meminta Rasulullah s.a.w. agar mendoakan kebaikan untuk anaknya itu. Maka Baginda s.a.w. mendoakan agar Anas diberkati pada harta benda, anak-pinak dan umurnya. Dengan berkat doa Rasulullah s.a.w. itu umur Anas melebihi seratus tahun. Kebun beliau berbuah dua kali setahun. Anak-pinak beliau pula sangat ramai. Ketika Hajjaaj datang ke Bashrah sebagai Gabenor di sana, seramai hampir seratus orang anak cucu beliau telah meninggal dunia. Anas meninggal dunia pada tahun 93H ketika berumur lebih seratus tahun. Beliaulah sahabat yang terakhir meninggal dunia di Bashrah. Jenazah beliau dikebumikan dalam kawasan perumahannya di Bashrah.

⁸¹ Maksud tidak beriman seseorang daripada kamu di sini ialah tidak sempurna iman seseorang daripada kamu. Sama seperti kata orang-orang 'Arab: *فلان ليس بإنسان* (si fulan bukan manusia), padahal maksudnya ialah si fulan bukan manusia yang sempurna. Penggunaan ayat-ayat seperti ini adalah termasuk di bawah qaedah ilmu Balaghah yang berbunyi: *تنزيل الناقص منزلة العدم* (mengira sesuatu yang kurang itu seperti tiada saja).

⁸² Didahulukan ayah daripada anak di sini kerana sebab-sebab berikut: (1) Wujud ayah lebih dahulu daripada anak. (2) Setiap orang mesti mempunyai ayah. Tetapi tidak mesti setiap orang mempunyai anak. (3) Ayah lebih perlu dihormati daripada anak. Kenapa Rasulullah s.a.w. menyebutkan ayah sahaja di dalam hadits ini, tidak disebutnya langsung ibu? Ada dua jawapannya. (1) Perkataan *والد* di dalam hadits ini dipakai dengan erti *الولد من له الولد* (orang yang mempunyai anak). Maka ibu juga termasuklah dalam *ma'na* yang umum ini. (2) Memang perkataan *والد* bererti bapa. Tidak disebutkan ibu kerana sudah tentu seseorang itu mempunyai bapa dan ibu. Dalam keadaan ini menyebutkan satu daripadanya dikira sudah memadai. Di dalam al-Qur'an juga terdapat gaya bahasa seperti ini. Antara contohnya ialah ayat di bawah ini:

وَجَعَلْ لَكُمْ سَرَابِلَ تَقِيكُمْ الْحَرَّ وَسَرَابِلَ تَقِيكُمْ بَأْسَكُمْ

Bermaksud: ... dan Dia jadikan bagimu pakaian yang memelihara kamu dari panas dan pakaian (baju besi) yang memelihara kamu dalam peperangan... (an-Nahl:81). Di dalam ayat ini Allah s.w.t. hanya menyebutkan pakaian yang memelihara manusia dari panas sahaja. Padahal pakaian itu dapat memelihara juga manusia daripada kesejukan. Tidak kerana lain melainkan kerana dikira sudah memadai dengan menyebut satu daripada dua yang berlawanan itu. (3)

Rasulullah menyebut ayah di dalam hadits ini hanya sebagai contoh sahaja. Ia tidak menafikan orang-orang lain juga boleh termasuk dalam apa yang disabdakan Baginda itu, terutamanya apabila dilihat perkataan *والناس أجمعين*. Sudah tentulah ibu juga termasuk dalam *ma'na* perkataan *الناس* atau manusia itu. Di dalam sesetengah riwayat hadits ini, Rasulullah s.a.w. mula-mula sekali menyebut perkataan *نفسه* (dirinya sendiri) sebelum yang lain-lain. Tetapi di dalam riwayat ini pula perkataan itu tiada. Ketiadaan perkataan *نفسه* di dalam hadits ini juga tidak sepatutnya menimbulkan masalah. Kerana diri sendiri juga boleh termasuk dalam *ma'na* perkataan *الناس* atau manusia itu. Seolah-olahnya Rasulullah s.a.w. bersabda: *لا يؤمن أحدكم حتى لا يكون أحب إليه من جميع أعزته* (Tidak beriman seseorang daripada kamu selagi aku tidak lebih dicintainya daripada semua kesayangannya).

⁸³ Para 'ulama' hadits membahagikan cinta kepada empat jenis. **Pertama:** Cinta atas dorongan naluri atau *tabi'at* semula jadi (*الحب الطبيعي*). **Kedua:** Cinta atas dorongan 'aql (*الحب العقلي*). **Ketiga:** Cinta atas dorongan iman, agama dan syari'at (*الحب الإيماني والديني والشرعي*). **Keempat:** Cinta atas dorongan 'isyq (*الحب العشقي*). **Cinta atas dorongan naluri** atau *tabi'at* semula jadi ialah seperti kasih seseorang terhadap diri sendiri, ibu bapa, anak pinak atau sesuatu yang disayangi tanpa ada sebarang alasan logik, ketentuan agama dan 'adat resam. Cinta ini tetap ada walaupun pada binatang yang tidak ber'aql. Ia merupakan perasaan manusia yang di luar batas ikhtiarnya. **Cinta atas dorongan 'aql** ialah cinta yang beralaskan logik dan perhitungan untung rugi atau baik buruknya sesuatu yang dihadapi. Menurut *tabi'at* semula jadi manusia, tidak ada siapa pun suka ibu jari kakinya dipotong. Tetapi dalam keadaan sedar jika ibu jari kaki dipotong selesailah masalah dan jika ibu jari kaki tidak dipotong pula penyakit akan terus merebak ke anggota-anggota yang lain. Pada ketika itu bukan ibu jari kaki sahaja yang perlu dipotong, tetapi mungkin sampai ke bahagian atas paha. Pesakit bijak yang menghadapi situasi ini tentu akan memilih ibu jari kakinya saja dipotong. Ubat yang pahit tidak disukai semua pesakit. Namun begitu pesakit tetap meneguknya lantaran sedar ia dapat menghilangkan kesakitan yang ditanggungnya. Contoh-contoh ini menunjukkan cinta atas dorongan 'aql sering kali dapat mengatasi cinta atas dorongan naluri. Cinta ini termasuk dalam batas ikhtiar manusia. **Cinta atas dorongan iman**, agama dan syari'at ialah pilihan hati manusia untuk mengikuti segala tuntutan iman dan agama, walaupun ia tidak sesuai dengan kehendak nafsu dan *tabi'at* asal kejadiannya. Apa-apa tindakan yang dibuat atas dorongan cinta ini tentunya tanpa perhitungan untung rugi atau baik buruknya menurut kaca mata keduniaan. Lihatlah kepada seorang tua yang terketar-ketar bangun di waktu subuh di negeri yang sangat sejuk, lalu berwudhu' dengan air dingin yang menyucuk sampai ke tulang hitam dan bersembahyang dengan penuh khusyu', pada ketika orang-orang yang tidak beragama nyenyak tidur dengan berselimut litup. Apakah keuntungan dan kebaikan duniawi yang mendorongnya bersusah payah sedemikian rupa? Tidak ada apa-apa. Apakah kerugian dan keburukan duniawi yang dibimbangi akan menimpa dirinya jika tidak bersembahyang subuh? Ya, tidak ada apa-apa juga kalau di lihat dari sudut pandangan keduniaan. Contoh ini menampakkan betapa cinta atas dorongan iman dan agama itu mengatasi dua jenis cinta yang tersebut sebelumnya. Cinta ini juga termasuk dalam batas ikhtiar manusia. **Cinta atas dorongan 'isyq** pula merupakan puncak cinta atas dorongan iman dan agama. Apabila ajaran agama dilakukan satu per satu tanpa mengambil kira akibatnya, sama ada ia membawa keuntungan dan kebaikan duniawi atau tidak. Perintah dan larangan Allah pula tidak dituruti kerana mengharap syurga dan takutkan nerakaNya, malah ia dituruti semata-mata kerana datangnya dari Allah dan RasulNya. Orang mu'min yang berada pada maqam ini hanya mengambil kira redha (perkenan) Allah dan RasulNya semata-mata, walaupun untuk mendapatkannya ia terpaksa